

KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
1.	<u>MESTECC plans 73 initiatives for 2019</u>	Malaysian Reserved	Klik pada tajuk berita
2.	<u>142,000 ketua isi rumah e-Kasih gagal daftar bil elektrik percuma / 66,600 ketua isi rumah miskin terima rebat elektrik RM40</u>	Berita Harian	Klik pada tajuk Berita dan rujuk lampiran 1
3.	<u>66,600 households enjoy RM40 electricity bill rebate since Jan 1</u>	The Sun Daily	Klik pada tajuk berita
4.	<u>Yang Meiying: Nikmati rebat sebanyak RM40. 140,000 isi rumah berdaftar dengan 3 syarikat/ 杨美盈：享40令吉电费回扣·14万户速向3公司登记</u>	Sin Chiew Daily	Klik pada tajuk berita
5.	<u>爱心援助计划逾14万户速登记享RM40电费回扣 / Lebih daripada 140,000 program bantuan penyayang, menikmati rebat yuran sebanyak RM40</u>	See Hua	Klik pada tajuk berita
6.	<u>Malaysia picks 'viable' renewable energy over nuclear energy</u>	The Malaysian Insight	Klik pada tajuk berita
7.	<u>Minister: SMEs must engage in sustainable business practices</u>	Malaymail	Klik pada tajuk berita



8.	<u>Minister: 142,000 needy households missing out on electricity subsidy</u>	Malaymail	Klik pada tajuk berita
9.	<u>66,600 households enjoy RM40 electricity bill rebate since Jan 1</u>	The Borneo Post	Klik pada tajuk berita
10.	<u>Dana AAIBE digunakan selesai masalah elektrik di pedalaman</u>	Berita Harian	Klik pada tajuk berita
11.	<u>142,200 isi rumah belum daftar Program Rebate Bil Elektrik RM40 / 142,200 belum daftar</u>	Kosmo	Klik pada tajuk Berita dan rujuk lampiran 2
12.	<u>Guna dana AAIBE selesai masalah bekalan elektrik</u>	Utusan Malaysia	Klik pada tajuk berita
13.	<u>Kira-kira 66,600 ketua isi rumah e-Kasih terima bantuan program rebate bil elektrik RM40</u>	Utusan Borneo Online	Klik pada tajuk berita
14.	<u>66,600 isi rumah e-Kasih terima bantuan rebate bil elektrik RM40</u>	The Malaysian Insight	Klik pada tajuk berita
15.	<u>142,000 ketua isi rumah e-Kasih gagal daftar bil elektrik percuma</u>	Malaysia Shafaqna.com	Klik pada tajuk berita
16.	<u>Program Rebate Bil Elektrik RM40, Lebih 140 Ribu Isi Rumah Masih Belum Daftar</u>	Oh Bulan.com	Klik pada tajuk berita
17.	<u>142,200 isi rumah belum daftar Program Rebate Bil Elektrik RM40</u>	Oh Sempit.com	Klik pada tajuk berita



18.	<u>6,600 households enjoy RM40 electricity bill rebate since Jan 1</u>	Youth Bernama.com	Klik pada tajuk berita
19.	<u>Kira-kira 66,600 ketua isi rumah e-kasih terima bantuan program rebat bil elektrik RM40</u>	Bernama.com	Klik pada tajuk berita
20.	<u>66,600 households enjoy RM40 electricity bill rebate since Jan 1</u>	Bernama.com	Klik pada tajuk berita
21.	<u>RM40 monthly electricity subsidy for 66,600 households starting January</u>	The Malaysian Insight	Klik pada tajuk berita
22.	<u>66,600 low-income households enjoy RM40 electricity rebate</u>	Malaysiakini	Klik pada tajuk berita
23.	<u>Daftar e-Kasih bagi rebat bil elektrik RM40</u>	Harian Metro	Rujuk lampiran 3
24.	<u>Macam miskin sangat</u>	Harian Metro	Rujuk lampiran 4
25.	<u>Bandar rendah karbon: Komuniti Bandar Penggaram berjiwa besar</u>	Astro Awani	Klik pada tajuk berita
26.	<u>Produk halal, suci</u>	Utusan Malaysia	Rujuk lampiran 5
27.	<u>Sumber rezeki terjejas</u>	Sinar Harian	Rujuk lampiran 6

TEMPATAN

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
28.	<u>BMW Malaysia unveils six new BMW i charging facilities at BSC</u>	New Straits Times	Klik pada tajuk berita
29.	<u>BMW Malaysia sasar ulangi pencapaian cemerlang 2018</u>	Berita Harian	Klik pada tajuk Berita dan rujuk lampiran 7
30.	<u>Relevankah lagi caj 20 sen bila sisa plastik dunia dihantar ke Malaysia?</u>	Utusan Malaysia	Klik pada tajuk berita
31.	<u>Cyberjaya bakal diberi nafas baharu menerusi kepakaran, teknologi dibangunkan warga Malaysia di China</u>	Sinar Harian	Klik pada tajuk berita
32.	<u>Let's move to sharing and caring</u>	The Sun Daily	Klik pada tajuk berita
33.	<u>Ethics for artificial intelligence</u>	IPS News	Klik pada tajuk berita
34.	<u>Peranti ukur tahap radiasi angkasa lepas</u>	Kosmo	Rujuk lampiran 8
35.	<u>Technology on our society</u>	New Straits Times	Rujuk lampiran 9
36.	<u>Electronic Devices Outnumber Humans</u>	New Straits Times	Rujuk lampiran 10



ANTARABANGSA

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
37.	<u>Banjir, ribut pasir landa Arab Saudi</u>	Berita Harian	Klik pada tajuk berita
38.	<u>Banjir melanda Selatan Sulawesi, Indonesia</u>	Astro Awani	Klik pada tajuk berita
39.	<u>Indonesia flood, landslide death toll hits 70</u>	The Sun Daily	Klik pada tajuk berita
40.	<u>Sea of white: 'Hundreds of thousands' of fish dead in Australia</u>	New Straits Times	Klik pada tajuk berita
41.	<u>Suhu panas punca ribuan ikan mati</u>	Berita Harian	Rujuk lampiran 11
42.	<u>Tasik Hemisfera Utara diancam pencairan ais</u>	Utusan Malaysia	Rujuk lampiran 12
43.	<u>Tornado in Cuba Kills 4</u>	New Straits Times	Rujuk lampiran 13
44.	<u>Havana musnah dilanda taufan</u>	Berita Harian	Rujuk lampiran 14

LAMPIRAN 1
BERITA HARIAN (DASAR & PENTADBIRAN): MUKA SURAT 12
TARIKH: 30 JANUARI 2019 (RABU)

66,600 ketua isi rumah miskin terima rebat elektrik RM40

Putrajaya: Kira-kira 66,600 ketua isi rumah yang berdaftar di bawah e-Kasih dan tergolong dalam kategori miskin dan miskin tegar sudah menerima bantuan rebat elektrik berjumlah RM40 sebulan.

Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Yeo Bee Yin, berkata manfaat itu menerusi Program Rebate Bil Elektrik RM40 bermula 1 Januari lalu.

Bagaimanapun, katanya, data kementerian menunjukkan 142,200 ketua isi rumah yang berdaftar di bawah e-Kasih tetapi masih belum berdaftar dengan syarikat utiliti, iaitu Tenaga Nasional Bhd (TNB), Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB) atau Sarawak Energy Bhd (SEB).

"Selepas mengambil kira Pendapatan Garis Kemiskinan Tahun 2016, kita menyasarkan seramai 208,800 ketua isi rumah e-Kasih akan menerima bantuan ini agar bantuan subsidi itu diagihkan secara bersasar.

Kerajaan komited ringankan beban rakyat

"Kerajaan amat prihatin dan komited dalam usaha untuk meringankan beban sara hidup rakyat melalui Belanjawan 2019," katanya di sini semalam.

Dalam Belanjawan 2019, kerajaan mengemukakan untuk menaikkan kadar subsidi bil elektrik kepada RM40 sebulan, berbanding RM20 sebelum ini, yang membabitkan peruntukan RM140 juta.

Yeo berkata, pendaftaran penerima rebat kurang daripada sasaran kerana ketua isi rumah e-Kasih tidak mempunyai nombor akaun bil elektrik dengan bil itu didaftar atas nama ahli keluarga lain, dan mungkin juga tinggal di rumah sewa manakala bil elektrik atas nama tuan rumah.

"Saya menggesa mereka yang layak untuk segera mendaftar nombor akaun bil elektrik mereka di mana-mana cawangan TNB, SESB atau SEB berdekatan," katanya.

Pengguna boleh membuat semakan untuk kelayakan e-Kasih dan kelayakan menerima bantuan rebat bil elektrik di portal <https://se-makanrebat.mestecc.gov.my> atau menghubungi My Government Call Centre (MyGCC) di talian 03-8000 8000.

BERNAMA

LAMPIRAN 2
KOSMO (NEGARA): MUKA SURAT 15
TARIKH: 30 JANUARI 2019 (RABU)

Rebat elektrik sebanyak RM40 untuk golongan miskin

142,200 belum daftar

Oleh MUHAMMAD
AYMAN GHIAFFA

PUTRAJAYA – Seramai 142,200 ketua isi rumah yang berdaftar di bawah ekasih dan tergolong dalam kategori miskin dan miskin tegar diseru untuk mendaftar dengan syarikat utiliti elektrik bagi membolehkan mereka menikmati bantuan rebat elektrik berjumlah RM40 sebulan.

Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Yeo Bee Yin berkata, kesemua mereka perlu mendaftar dengan syarikat utiliti iaitu Tenaga Nasional Bhd (TNB), Sabah Electricity

Sdn. Bhd. (SESB) atau Sarawak Energy Bhd. (SEB) bagi menikmati bantuan rebat di bawah Program Rebate Bil Elektrik RM40.

Katanya, setakat ini, seramai 66,600 ketua isi rumah yang telah menerima bantuan tersebut sejak 1 Januari lalu.

“Bagaimanapun jumlah itu tidak mencukupi berikutan Kementerian menasarkannya seramai 208,800 ketua isi rumah ekasih akan menerima bantuan berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) 2016.

“Kerajaan amat prihatin dan komited dalam usaha untuk meringankan beban sara hidup rakyat melalui



YEEO BEE YIN

Rebat bil elektrik RM40 kepada miskin tegar

PUTRAJAYA - Kerajaan melalui Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) memperuntukkan RM149 juta untuk memberi rebat bil elektrik sebanyak RM40 kepada 142,200 ketua isi rumah miskin tegar dan miskin

Program Rebate Bil Elektrik (RBE) merupakan program bantuan kepada golongan miskin tegar dan miskin yang berdaftar dan ditahapkan dalam Sistem eKasih. Di bawah program ini, ketua isi rumah miskin tegar dan miskin di bawah

KERATAN Kosmo! 27 Disember 2018.

Belanjawan 2019,” katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Pada pembentangan Belanjawan 2019 lalu, kerajaan mengumumkan untuk menaikkan kadar subsidi bil elektrik kepada RM40 sebulan berbanding RM20 yang membabitkan peruntukan RM140 juta.

Mengulas lanjut, Bee Yin berkata, antara faktor pendaftaran kurang daripada sasaran adalah kerana ketua isi rumah eKasih tidak mempunyai nombor akaun bil elektrik iaitu bil daftar atas nama ahli keluarga lain seperti isteri

atau anak-anaknya dan rumah sewa serta bil elektrik atas nama tuan rumah.

Sehubungan itu, Bee Yin menggesa mereka yang layak untuk segera mendaftar nombor akaun bil elektrik di cawangan TNB, SESB dan SEB terdekat agar kerajaan dapat mengagihkan subsidi secara bersasar.

Semakan kelayakan boleh dibuat di portal Kementerian di <https://semakanrebat.mestecc.gov.my> atau menghubungi My Government Call Centre (MyGCC) di talian **03-8000 8000**.

LAMPIRAN 3
HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 22
TARIKH: 30 JANUARI 2019 (RABU)

Daftar e-Kasih bagi rebat bil elektrik RM40

Putrajaya: Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NESTECC) menggesa 142,000 miskin tegar dan miskin di bawah e-Kasih mendaftar dengan syarikat utiliti bagi menerima bil elektrik secara percuma sehingga RM40 sebulan.

Menterinya, Yeo Bee Yin berkata, kerajaan menyasarkan 208,800 golongan e-Kasih menerima bantuan ini, namun setakat ini hanya 66,600 yang mendaftar.

Menurut beliau, dua faktor utama kegagalan golongan e-Kasih mendaftar disebabkan tidak mempunyai nombor akaun bil elektrik yang didaftar atas penama lain dan tinggal di rumah sewa atas nama tuan rumah.

"Semua ketua masyarakat membabitkan Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) perlu bersikap proaktif bagi membantu golongan e-Kasih di kawasan masing-masing untuk membuat pendaftaran agar mereka dapat menikmati bantuan ini," katanya berhubung maklumat terkini program rebat bil elektrik RM40 bersasar kepada golongan miskin dan miskin tegar di kementeriannya di sini, semalam.

Program bantuan kerajaan secara bersasar khusus kepada keluarga miskin tegar dan miskin yang berdaftar dan disahkan dalam Sistem e-Kasih itu diumumkan kerajaan dalam Belanjawan 2019, 2 November lalu.

Ia adalah program baharu yang diperkenalkan kerajaan bermula 1 Januari hingga 31 Disember 2019, bagi menggantikan Program Rebate Bil Elektrik RM20 yang tamat pada tahun lalu.

Di bawah program itu, ketua isi rumah miskin tegar dan miskin di bawah e-Kasih yang dikenal pasti akan menerima bil elektrik secara percuma sehingga RM40 sebulan, bergantung kepada jumlah penggunaan elektrik mereka.

Beliau menyeru golongan e-Kasih yang tinggal di Semenanjung mendaftar dan membuat semakan di Tenaga Nasional Berhad (TNB), pengguna di Sabah melalui

Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB) manakala Sarawak di Sarawak Energy Berhad (SEB).

YEO



LAMPIRAN 4
HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 25
TARIKH: 30 JANUARI 2019 (RABU)

Macam miskin sangat

■ PEKA gesa tindakan terhadap kilang haram proses sisa import

Amir Abd Hamid
amir_hamid@mediaprima.com.my

Kuala Lumpur

"Miskin sangat-kah Malaysia sehingga terpaksa menjana pendapatan dengan jual beli sisa plastik termasuk sampah bahan itu?"

"Isu Malaysia import sisa plastik sudah diperkatakan dengan meluas di media antarabangsa seperti Al-Jazeera dan sebagainya. Ini satu perkara memalukan dan kerajaan wajar menghentikan industri ini di negara kita," kata Presiden Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam Malaysia (PEKA) Puan Sri Shariffa Sabrina Syed Akil.

Katanya, PEKA sebelum ini melakukan tinjauan di kawasan banyak lambakan kilang haram seperti di Jenjarom, Kuala Langat dan sekitar Pelabuhan Klang sebelum menghantar aduan kepada Kementerian Tenaga, Teknologi, Sains, Perubahan Iklim dan Alam Sekitar (MESTECC).

Menurutnya, beliau yakin Menteri MESTECC, Yeo Bee Yin serius untuk menyelesaikan masalah berkenaan termasuk arahan terbaru memberi tempoh hingga Mac ini untuk menutup 100

“**S**aya harap Menteri berkaitan termasuk Yeo bersungguh-sungguh menyelesaikan isu ini”
Shariffa Sabrina Syed Akil

kilang plastik haram di seluruh negara.

"Media antarabangsa memperkatakan mengenai Malaysia jadi pusat pembuangan sampah antarabangsa. Saya tidak faham mengapa ini berlaku.

"Sedangkan negara ini kaya sumber alam yang boleh dioptimumkan selain berpotensi urus niaga lain berbanding terbabit dengan perniagaan sampah atau sisa plastik walaupun dikatakan menjana RM30 bilion.

"Saya harap Menteri berkaitan termasuk Yeo bersungguh-sungguh menyelesaikan isu ini dan turut mendapat sokongan semua ahli politik dan jentera kerajaan seluruhnya. Saya sedar ia tanggungjawab yang bukan mudah untuk dilaksanakan sebab ramai tauke besar di belakang industri itu," katanya di sini, semalam.

Beliau berkata demikian pada sidang media pelancaran Save Our Rainforest Race (SORR) 2019 yang akan berlangsung 3 Mac ini di Taman



SHARIFFA Sabrina bersama Azni melancarkan Save Our Rainforest Race 2019, semalam.

Botanikal Melaka, Melaka.

Hadir sama, Pengarah Perhutanan Negeri Melaka Azni Rahman A Wahid.

Penganjuran SORR 2019 sempena Hari Hutan Antarabangsa itu bertemakan Save Our Rainforest to Save Our Wildlife (Selamatkan Hutan Untuk Melindungi Hidupan Liar) dan pendaftaran atau maklumat lanjut boleh layari www.pekamalaysia.org

Sementara itu, Azni Rah-

man berkata, kawasan hutan simpanan kekal di Melaka hanya tinggal tiga peratus atau 5,199 hektar menyebabkan pihaknya melakukan inisiatif menanam pokok hutan secara agresif.

"Kita sudah menanam 5,000 pokok hutan tahun lalu dan tahun ini kita sasaran 5,000 pokok ditanam lagi tahun ini," katanya.

Media yang memetik laporan antarabangsa Los Angeles Times dan Reuters

sebelum ini melaporkan China sudah melarang import ke atas bahan buangan sisa pepejal di republik itu bulan ini.

Susulan itu, kebanyakan peniaga sisa plastik dunia seperti dari Amerika Syarikat (AS) dan Eropah beralih ke Asia Tenggara terutama-

nya Malaysia sehingga menimbulkan polemik rakyat negara ini termasuk aktivis alam sekitar dan cendekiawan tempatan.

LAMPIRAN 5 UTUSAN MALAYSIA (MEGASAINS): MUKA SURAT 23 TARIKH: 30 JANUARI 2019 (RABU)

KUMPULAN penyelidik menunjukkan buah-buahan sebagai bahan asas penghasilan inulin tempatan.



Produk halal, suci

MATLAMAT penyelidikan oleh kumpulan penyelidik diketuai **Dr. Noormazlinah Ahmad** bertujuan membantu masyarakat supaya sedar betapa pentingnya penggunaan dan faedah prebiotik serta gula alternatif kepada kehidupan dan kesihatan.

Justeru, menurut Dr. Noormazlinah, memandangkan Malaysia kini mempunyai inulin kompleks yang dihasilkan oleh pengeluar tempatan, maka boleh didapati dengan harga yang sangat murah dan diyakini halal serta suci.

"Selepas ini kami merancang menggabungkan prebiotik yang dihasilkan untuk kegunaan lebih meluas pada masa akan datang.

"Kami tidak hanya fokus pada gred makanan dan minuman, malah prebiotik ini boleh didapati dalam gred ternakan haiwan, nutrien tumbuh-tumbuhan dan gred farmaseutikal," ujarnya.

Beliau berkata, kajian tersebut turut mendapat kerjasama pelbagai pihak iaitu Growell Venture Sdn. Bhd., NS Dairy Farm Sdn. Bhd. dan Klashing Importers Exporters Sdn. Bhd.

Pihaknya juga berharap supaya diberi kepercayaan sebagai penyelidik untuk mengembalikan semula keyakinan kerajaan yang membiayai projek berkenaan seperti Skim Geran Akulturasi Penyelidikan (RAGS) dari Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) sebelum ini, geran Symbiosis dari Malaysian Technology Development

Corporation (MTDC), geran dalaman dan komersial dari UMP kepada masyarakat.

"Semoga dengan adanya prebiotik ini yang lebih murah dan halal dapat menghasilkan masyarakat yang lebih sihat, berdaya saing dan boleh meningkatkan penajanaan ekonomi kerana dengan penambahan inulin kompleks dapat meningkatkan mutu produk dari industri atau peniaga ke arah yang lebih premium," ujarnya.

Keunikan prebiotik Oligowell-inulin kompleks:

- Hasil daripada kajian tempatan menggunakan substrat buah-buahan tropika.
- Diformulasi dalam bentuk cecair dengan gabungan dua unsur jenis prebiotik iaitu inulin dan *Fructooligosaccharide* (FOS) yang memberi kesan berganda kepada kesihatan pengguna.
- Tiada unsur pengubahsuaian genetik pada bahan mentah dalam penghasilan.
- Mesra alam dengan menjadikan sisa daripada hasil pertanian dan bebas penggunaan bahan kimia.

KELEBIHAN

- 1** Meningkatkan kadar penyerapan nutrien oleh badan.
- 2** Kesan khusus dalam meningkatkan kadar penyerapan kalsium oleh badan bagi pertumbuhan tulang dan gigi yang baik. Hebatnya elemen bahan prebiotik ini adalah dapat meningkatkan sebanyak 25% kadar penyerapan kalsium. Maka ini memberi kesan pada kekuatan dan kesihatan tulang dan gigi pengguna sekali gus mengelak berlakunya osteoporosis terlalu cepat.
- 3** Bertindak sebagai penstabil dan optimum formulasi produk. Penstabil makanan penting untuk mendapatkan formulasi lengkap dan sempurna sekali gus menambah jangka hayat produk. Produk ditambah baik dari segi rasa, tekstur, warna dan jangka hayat.
- 4** Sebagai pemanis alternatif dalam formulasi produk. Produk tanpa gula atau kurang gula adalah produk yang diperlukan kini. Kadar gula perlu dikawal. Menjadi elemen pemanis alternatif tanpa memberi kesan pada kandungan gula dalam badan. Pemanis yang selamat terutama bagi pesakit kencing manis.
- 5** Prebiotik Oligowell-Inulin/FOS bertindak baik dan sesuai dicampur dengan sebarang bahan ramuan dalam formulasi produk.
- 6** Menjadikan produk makanan atau minuman ke tahap kelas produk premium atas kesan kesihatan yang pengeluar berikan kepada pengguna produk anda.

Harga produk:
Inulin kompleks - RM15/ml
Inulin - RM100/Lw
FOS - RM80/L

INFO

- Penyelidikan bermula pada 2014.
- Asalnya penghasilan gula ringkas terlebih dahulu iaitu FOS.
- Projek siap pada 2016.
- Mula dipasarkan pada 2017 bersama rakan pemasaran iaitu Growell Venture Sdn. Bhd. di bawah naungan Malaysia Technology Development Corporation (MTDC).
- Prebiotik merupakan sumber makanan baik kepada bakteria baik yang terdapat dalam usus manusia sama ada di peringkat usia bayi, kanak-kanak, remaja, dewasa mahupun warga emas.
- Bertindak sama dalam sistem penghadaman haiwan, malah sangat baik dalam formulasi baja untuk tanaman.
- Unjuran pasaran prebiotik di peringkat global mencecah kira-kira RM9 bilion menjelang 2020.
- Penggunaan prebiotik dalam industri makanan dan minuman diproses adalah sebanyak RM2.240 bilion pada 2020.

LAMPIRAN 6
SINAR HARIAN (KLANG): MUKA SURAT 22
TARIKH: 30 JANUARI 2019 (RABU)

Sumber rezeki terjejas

Nelayan dakwa ikan pupus akibat perairan Selat Klang tercemar

AZIE YAHAYA

PULAU INDAH

Lebih 200 nelayan di Kampung Teluk Nipah dan Kampung Sungai Kembang, di sini mengeluh pendapatan mereka terjejas akibat pencemaran.

Mereka mendakwa, ratusan ikan dan udang ditemui mati akibat bahan kimia daripada buangan sisa getah dan sampah domestik di kawasan berhampiran mengalir ke perairan Selat Klang.

Nelayan, Mohd Azli Shamsuddin, 53, berkata, bangkai ikan dan udang timbul di permukaan air sejak empat hari lalu dipercayai akibat 'mabuk'.

"Saya terkejut dan sedih bila lihat bangkai ikan dan udang ini timbul di kawasan jeti.

"Sebelum ini ada juga berlaku tapi tak seteruk ini," katanya ketika ditemui Sinar Harian, semalam.

Menurutnya, pencemaran itu menyebabkan sumber pendapatannya terjejas.

"Hasil tangkapan mula berkurangan. Kalau sebelum ini, sehari boleh dapat 10 hingga 15 kilogram ikan, tapi sekarang nak dapat dua hingga tiga kilogram pun susah.

"Sebelum ni mewah juga sebab sekali dapat hasil dalam RM400 hingga RM500. Sekarang nak dapat RM10 pun sakit," katanya.

Menurut Mohd Azli, kawasan Selat Klang memang terkenal dengan pelbagai spesies ikan seperti bawal, gglama dan tirus.

Justeru, Mohd Azli berharap pihak



Bangkai ikan ditemui terdampar berhampiran Jeti Kampung Teluk Nipah.



Bangkai udang turut ditemui di jeti.

berkaitan dapat memantau dan menyasiat faktor berlakunya kejadian berkenaan.

Dakwa punca bahan kimia

Bukan sahaja pelanggan gerai makan di kawasan itu mengadu bau busuk malah peniaga juga terpaksa menghadapi situasi sama.

Penduduk, Shahrom Rahmat, 48, berkata, bau bangkai ikan menyebabkan perniagaan kedai makan yang diusahakan berhampiran Jeti Teluk Nipah turut terjejas.

Katanya, dia menyedari kejadian itu selepas melihat bangkai ikan terdampar di tepi jeti selepas hanyut dibawa arus.

"Empat hari lepas memang banyak bangkai ikan ditemui di sini. Sebelum ini memang ada juga berlaku tapi tak seteruk kali ini. Ada juga rakan-rakan nelayan mengadu susah nak dapat hasil sekarang," katanya.

Sementara itu, aktivis alam sekitar, Datuk Zainal Taha mendakwa, sisa buangan getah dan sampah domestik yang



Zainal (kanan) menunjukkan lokasi bangkai ikan ditemui dan mengakibatkan bau busuk.

dibuang di kawasan berhampiran dipercayai menjadi punca pencemaran air di perairan Selat Klang.

"Sisa berkenaan dibuang berhampiran kawasan jeti dan bila air pasang, bahan kimia daripada buangan getah itu terus mengalir ke perairan Selat Klang dan menyebabkan pencemaran.

"Bila air tercemar, banyak ikan dan udang mati, sekali gus menyebabkan pendapatan nelayan terjejas," katanya.

Menurutnya, pembuangan sampah itu berlaku sejak lebih sebulan lalu.

"Kita harap pihak berkenaan peka dengan masalah ini dan akan mengambil tindakan segera bagi menyelesaikan perkara ini," katanya.

Dalam pada itu, wakil Jabatan Alam Sekitar (JAS) Selangor yang turun padang ke lokasi terbabit berkata, pihaknya akan menjalankan siasatan berhubung perkara itu selepas melakukan tinjauan.



ZAINAL



Sisa getah dan sampah domestik yang dibuang di kawasan berhampiran.



Wakil JAS Selangor turun padang memeriksa kawasan terbabit.

LAMPIRAN 7
BERITA HARIAN (BISNES): MUKA SURAT 52
TARIKH: 30 JANUARI 2019 (RABU)

BMW Malaysia sasar ulangi pencapaian cemerlang 2018

➔ Rekod jualan 14,338 unit
jadi sandaran untuk dikekalkan

Oleh Mohd Zaky Zainuddin
zaky@nstp.com.my

BMW Group Malaysia menyasarkan untuk sekali lagi mengulangi rekod jualan cemerlangnya di negara ini pada 2019, sekali gus mengulangi prestasi pada tahun lalu.

Ketua Komunikasi Korporatnya, Sashi Ambi, berkata rekod jualan 14,338 unit yang dicapai tahun lalu menjadi sandaran syarikat untuk dikekalkan tahun ini.

"Kami menyasarkan untuk menyamai rekod jualan BMW Group Malaysia tahun 2018. Namun untuk melepasi angka berkenaan agak mencabar.

"Banyak cabaran yang akan dihadapi tidak hanya kami malah jenama lain dan industri automotif tahun ini disebabkan persekitaran ekonomi yang mencabar.

"Bagaimanapun, kita akan menggunakan langkah dan strategi yang ditetapkan untuk mendepani cabaran ini," katanya kepada media selepas majlis pelancaran kemudahan pengecas BMW i di Kuala Lumpur, semalam.

Kemudahan itu dilancarkan oleh Pengarah Urusan BMW Group Malaysia, Harald Hoelzl.

Tahun lalu, BMW Group Malaysia menjual 14,338 unit merangkumi 12,008 unit kereta BMW, 1,200 unit MINI dan 1,130 unit BMW Motorrad. Ia 13 peratus lebih tinggi berbanding



Hoelzl (kiri) melancarkan Pengecas BMW i sambil disaksikan Sashi (kanan) pada Majlis Pelancaran Kemudahan Pengecas BMW i di Kuala Lumpur, semalam.

12,681 unit yang dicatatkan pada 2017, sekali gus mencatatkan pertumbuhan jualan positif tahun kelapan berturut-turut.

Pelbagai pilihan

Sashi berkata, BMW Group Malaysia akan memperkenalkan pelbagai model dan varian baharu tahun ini bagi meningkatkan pilihan pelanggan.

"Jika tahun lalu sebanyak 12 model atau varian baharu diperkenalkan, tahun ini kami meningkatkan jumlahnya lebih kurang sama.

"Kami juga akan tampil dengan pelbagai tawaran pemilikan menarik bagi memastikan kepuasan pelanggan terus menjadi keuta-

maan," katanya.

BMW Group Malaysia semalam melancarkan enam kemudahan pengecas BMW i di Bangsar Shopping Centre dalam usaha mengekalkan kedudukan peneraju dalam arena e-mobiliti di Malaysia.

Hoelzl berkata inisiatif syarikat ini adalah untuk memupuk peralihan negara Malaysia ke arah Mobiliti-Elektro.

Katanya, pengenalan infrastruktur baharu itu adalah susulan kepada kemudahan pengecasan BMW i yang dibuka di Ramada Plaza oleh Wyndham Melaka, The Banjaran Hot Springs Retreat di Ipoh, Iconic Hotel di Pulau Pinang serta WEIL Hotel di Ipoh yang diperkenalkan tahun lalu.

"Portfolio Mobiliti Bervisi BMW Group Malaysia dengan kenderaan BMW iPerformance juga didukung oleh platform ChargeEV melalui usaha samanya dengan Malaysian Green Technology Corporation (GreenTech Malaysia).

"Perkhidmatan BMW ChargeNow yang ditawarkan menerusi program BMW360° ELECTRIC juga memberikan akses kepada kemudahan pengecasan rakan kongsi yang lain seperti ChargeEV.

"Ia membolehkan pengguna menikmati bantuan dan akses 24 jam sehari tujuh jam seminggu bagi ke semua lokasi pengecasan yang terletak dalam rangkaian ChargeEV yang kian berkembang di seluruh negara," katanya.

LAMPIRAN 8
KOSMO (INFINITI): MUKA SURAT 25
TARIKH: 30 JANUARI 2019 (RABU)




Sekumpulan penyelidik daripada Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor telah membangunkan sebuah peranti dosimeter pintar berasaskan gentian optik yang bakal diuji di angkasa lepas.

Dosimeter tersebut akan mengenal pasti tahap radiasi di angkasa lepas untuk memastikan angkasawan yang membuat penyelidikan di sana berada dalam keadaan selamat tanpa terdedah kepada radiasi berlebihan.

Uji Dosimeter Di Ruang Angkasa

LAMPIRAN 8 (SAMB.) KOSMO (INFINITI): MUKA SURAT 26 TARIKH: 30 JANUARI 2019 (RABU)

SINAR radiasi berpuncu daripada pelbagai sumber dan kejadian di alam semesta termasuklah pembentukan bintang.



STESEN Angkasa Antarabangsa (ISS) menempatkan angkasawan dari pelbagai negara untuk melakukan kajian saintifik yang memerlukan persekitaran mikrograviti.

TEMPAT penyimpanan gentian optik dan penyinaran.



Peranti ukur tahap radiasi angkasa lepas



NORAMALIZA



NIZAM

RUANG angkasa lepas mempunyai sinaran radiasi yang bercampur seperti proton, neutron, gamma dan beta. Ia juga mempunyai ion-ion berat yang terhasil daripada tiga sumber semula jadi radiasi angkasa lepas iaitu, trapped radiation, Solar Particle Events (SPE) dan Galactic Cosmic Radiation (GCR).

Berbeza di bumi apabila mempunyai satu radiasi sahaja dalam satu-satu masa.

Justeru, dosimetri radiasi ruang menjadi salah satu cabaran kepada penyelidik dalam bidang perlindungan radiasi untuk membuat kajian bagi mengenal pasti radiasi di angkasa.

Kajian berkaitan radiasi di angkasa sangat penting untuk memastikan angkasawan yang membuat penyelidikan di sana berada dalam keadaan selamat tanpa terdedah kepada radiasi berlebihan.

Sehubungan itu, sekumpulan penyelidik daripada Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang, Selangor bertindak membangunkan sebuah peranti pasif dosimeter pintar berasaskan gentian optik yang bakal diuji di angkasa lepas.

Peranti yang diberi nama *Smart Optical Fibre for Passive Dosimetry in Space* (Sofpads) itu akan dihantar ke Stesen Angkasa Antarabangsa (ISS) pada Mac depan dengan kerjasama Agensi Penerbangan Aeroangkasa Jepun (JAXA).

Penyerahan Sofpads kepada pihak JAXA telah dilaksanakan baru-baru ini di Tsukuba, Jepun.

Menurut **Ketua Penyelidik, Dr. Noramaliza Mohd. Noor**, angkasawan yang bertugas di ISS berpotensi terdedah kepada lebih banyak sinar radiasi berbanding mereka yang berada di bumi.

"Ketidadaan lapisan atmosfera dan lain-lain bentuk



DARI kiri, Fathinul Fikri, Nizam, Noramaliza dan Farid menunjukkan dua jenis Sofpads yang telah diserahkan kepada JAXA untuk dibawa ke ISS pada Mac ini.

pelindung sinar elektromagnetik akan menyebabkan mereka berisiko untuk ditimpa pelbagai jenis masalah kesihatan, seperti osteoporosis, kanser dan jantung.

"Justeru, terdapat keperluan untuk membangunkan sebuah dosimeter yang mampu menunjukkan tahap sinaran radiasi dengan tepat bagi membolehkan angkasawan bekerja dalam keadaan yang selamat," katanya ketika ditemui *Infiniti* di Jabatan Pengimejan, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) UPM, Serdang, Selangor baru-baru ini.

Tahap radiasi selamat

Tambahnya, pembangunan Sofpads ini juga bakal membantu usaha pembangunan dosimeter secara umum untuk digunakan di dalam pelbagai industri lain pada masa akan datang.

Noramaliza memberitahu, dosimeter secara umumnya adalah peranti yang mampu mengukur tahap radiasi sesuatu pancaran elektromagnet daripada sinar-x hinggalah ke sinar gamma. "Pengukuran ini membolehkan

pengguna untuk memantau tahap radiasi yang selamat apabila berada di dalam situasi yang memerlukan pendedahan kepada radiasi seperti ketika menerima rawatan di hospital atau melakukan penyelidikan di dalam makmal," jelasnya yang juga merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Pengimejan FPSK.

Sementara itu, bekas **Pengarah Pusat Pengimejan Diagnostik Nuklear (PPDN) UPM, Prof. Madya Fathinul Fikri Ahmad Saad** berkata, peranti Sofpads tersebut yang akan menyertai modul uji kaji di Kibo bakal memberi kesan

kepada penemuan saintifik yang baharu dalam bidang pengimejan molekul perubatan serta berpotensi mengenal pasti ciri-ciri perubahan fisiologi dan adaptasi rangkaian genetik manusia.

"Dua jenis Sofpads telah diserahkan kepada pihak JAXA untuk dibawa ke ISS iaitu E-Sofpads dan I-Sofpads.

"E-Sofpads akan didedahkan kepada sinar radiasi di luar stesen angkasa manakala I-Sofpads pula



TERDAPAT dua jenis Sofpads iaitu E-Sofpads (kiri) dan I-Sofpads (kanan).

akan mengukur radiasi di dalam Kibo," jelasnya yang merupakan penyelidik bersama bagi kajian tersebut.

Analisis sampel

Beliau yang juga merupakan Pakar Radiologi di FPSK berkata, hasil pendedahan radiasi tersebut akan membantu penyelidikan berkaitan penerbangan angkasa lepas pada masa akan datang.

Sampel I-Sofpads dijadualkan dihantar kembali ke Malaysia setelah terdedah selama kira-kira 300 hari di angkasa lepas, manakala E-Sofpads selepas 360 hari. Ia kemudian akan dianalisis di PPDN dan Makmal Dosimetri FPSK.


Dalam pada itu, seorang lagi penyelidik, **Dr. Nizam Tamchek** berkata, projek penyelidikan tersebut merupakan kerjasama antara UPM dan JAXA di bawah memorandum perjanjian penyelidikan yang telah dimeterai.

"Pembangunan peranti Sofpads ini turut diselenggarakan bersama Agensi Angkasa Negara (Angkasa) dan beberapa penyelidik daripada Universiti Multimedia, Universiti Malaya dan Universiti Sunway.

"Kajian ini menerima geran penyelidikan berpajak tinggi daripada UPM yang dikenali sebagai Geran Putra Berimpak bernilai RM300,000 sejak tahun 2017 dan akan berakhir pada tahun 2020," jelasnya yang juga merupakan pensyarah Fizik di Fakulti Sains UPM.

Dua orang lagi yang terlibat dalam penyelidikan tersebut ialah Farid Bajuri dan Salasiah Mustafa.

GENTIAN optik yang dipotong untuk dimasukkan ke dalam Sofpads.



INFO Sofpads

- Mempunyai dua jenis iaitu E-Sofpads dan I-Sofpads
- Mengenal pasti tahap radiasi di angkasa lepas
- Menggunakan gentian optik
- Akan dihantar ke ISS pada Mac depan
- Merupakan kerjasama JAXA dan UPM

LAMPIRAN 9
NEW STRAITS TIMES (KLASSIFIEDS): MUKA SURAT C33
TARIKH: 30 JANUARI 2019 (RABU)

THE IMPACT OF TECHNOLOGY ON OUR SOCIETY

How has technology affected society? How has it influenced living? Well, while technology has made life easy, it has also made us lazy.

Technology and human life cannot be separated; society has a cyclical co-dependence on technology. We use technology, depend on technology in our daily life and our needs and demands for technology keep on rising.

This calls for the proper use of technology. The biggest challenge facing people is to determine the type of future we need to have and then create relevant technologies which will simplify the way we do things.

When we speak of the impact of technology on society, we always talk about the positive effects of technology and about how technology has made life easy. We talk about the Internet as an information resource and a communication platform and conveniently ignore the fact that an overexposure to it leads to Internet addiction.

We often discuss how technology has made life easy but easily forget that it has made us overly dependent on it. Have you thought of the impact of technology from this point of view? Let us look at this aspect of technology here.

Think of the days when there were no computers and no modern means of transport. Human life was highly restricted due to the unavailability of technological applications. Daily life involved a lot of physical activity. Life of the common man was not as luxurious as that of modern times, but he was more active.

Exercise was integrated into routine physical activities. It was contrary to the sedentary lifestyle of today, which leaves no time for exercise and fills days with inactivity and laze.

Today we don't want to, and thanks to the advancement in technology, don't even need to walk, move around, or exert ourselves physically to great



extents in order to get things done. We have the world at our fingertips.

We think of technology as a boon to society. I am afraid it's not completely a boon. The Internet has bred many unethical practices like hacking, spamming and phishing. Internet crime is on the rise. The Internet, being an open platform, lacks regulation. There is no regulation on the content displayed on websites.

Internet gambling has become an addiction for many. Overexposure to the Internet has taken its toll. In this virtual world, you can be who you are not; you can be virtually living even after you die. Isn't this weird? Children are spending all their time playing online and less or almost no time playing on the ground. Youngsters are spending most of their time

social networking, missing on the joys of real social life.

Think of the days when there were no online messengers, no emails and no cell phones. Indeed cellular technology has made it possible for us to communicate over wireless media. Web communication facilities have worked wonders in speeding long-distance communication.

On the other hand, they have deprived mankind of the warmth of personal contact. Emails replaced handwritten letters and communication lost its personal touch. With the means of communication so easily accessible, that magic in waiting to reach someone and the excitement that followed have vanished.

Moreover, we have become excessively dependent on

technology. Is so much of dependency good? Is it right to rely on machines to such an extent? Is it wise to depend on computers rather than relying on human intellect?

Computer technology and robotics are trying to substitute for human intellect. With the fast advancing technology, we have started harnessing artificial intelligence in many fields. Where is the digital divide going to take us? How is our "tomorrow" going to be? Machines replacing human beings does not portray a rosy picture, does it? It can lead to serious issues like unemployment and crime.

An excessive use of machines in every field can result in the under-utilisation of human brains. Over time, we may even lose our intellectual abilities. You know of the declining mathematical abilities in children due to use of calculators since school, don't you?

The impact of technology on society is deep. It is both positive and negative. Technology has largely influenced every aspect of living. It has made life easy, but so easy that it may lose its charm someday.

One can cherish an accomplishment only if it comes after effort. But everything has become so easily available due to technology that it has lost its value. There is a certain kind of enjoyment in achieving things after striving for them. But with everything only a few clicks away, there is no striving, there's only striking. With the developments in technology, we may be able to enjoy all the pricey luxuries in life, but at the cost of losing its priceless joys.



DR VIZAYER RAJ held positions in the corporate sector. He has also lectured in business administration in universities in Malaysia and abroad, before moving on to manage his own business in education. He is the director of programmes in Asian Management Development Academy. He can be reached at vizayer@gmail.com or 016-2093156.

LAMPIRAN 10
NEW STRAITS TIMES (OPINION): MUKA SURAT 14
TARIKH: 30 JANUARI 2019 (RABU)



THALIF DEEN

E-WASTE

ELECTRONIC DEVICES OUTNUMBER HUMANS

As the planet is being swamped with electronic waste, governments must do better to address the issue

THE widespread innovations in modern digital technology have a devastating downside: the accumulation of over 50 million tonnes of electronic waste (e-waste) globally every year.

And that's greater in weight than all of the world's commercial airliners ever made, or enough Eiffel Towers to fill the borough of Manhattan in New York city, warns a new report released at the World Economic Forum in Davos on Jan 24.

Currently only 20 per cent of e-waste, including desktop computers, cell phones, laptops, television sets, printers and a wide variety of household electrical appliances, is formally recycled.

If nothing changes, the United Nations University, one of the authors of the report, predicts e-waste could triple to nearly 120 million tonnes by 2050.

The study says it is difficult to gauge how many electrical goods are produced annually, but just taking into account the devices connected to the Internet, they now number many more than humans, whose total world population now stands at over 7.7 billion.

The joint report, titled "A New Circular Vision for Electronics — Time for a Global Reboot", and backed by seven UN agencies, points out that rapid innovation and lowering costs have dramatically increased access to electronic products and digital technology, with many benefits.

This has led to an increase in

the use of electronic devices and equipment. And the unintended consequence of this is a ballooning of electronic and electrical waste.

The study says e-waste is now the fastest-growing waste stream in the world. Some forms of it have been growing exponentially.

Asked how feasible is it for countries to have mandatory legislation on recycling e-waste, Dr Ruediger Kuehr, co-author of the report and director, UNU-ViE SCYCLE, Sustainable Cycles Programme, told IPS mandatory e-waste recycling legislation is in place, for example, in the European Union (EU).

As per such, 85 per cent all e-waste generated in the EU must be recycled in 2019. However, this target is not going to be reached at all, he noted.


Collection is the biggest challenge and recent attempts to substantially increase it by forcing, for example, retailers to accept obsolete e-products have not substantially increased collections.

Hence, he said, e-waste recycling legislation must come together with innovative and rewarding collection systems; consumer awareness (for example, not storing obsolete equipment at home, but returning it early on) but also new systems to consume electronics such as dematerialisation — purchasing the service instead of the product.

This would ease collection, because the ownership of the product would remain with the producer, he added.

He also said such systems are necessary in the long run, because extend-collection systems by returning equipment with retailers; recycling points or collection bins have proved to be key, but do not provide the necessary breakthrough.

"In consequence, the pure e-waste legislation will not change



Only 20 per cent of e-waste, including desktop computers, cell phones, laptops, television sets and printers, is formally recycled.

things, especially also because in many countries their enforcement is lacking," Dr Kuehr warned.

In terms of material value, says the study, e-waste presents an opportunity worth over US\$62.5 billion per year, more than the gross domestic product of most countries and three times the output of the world's silver mines.

There is 100 times more gold in a tonne of e-waste than a tonne of gold ore, according to the report.

The study calls for a new vision for electronics based on the circular economy and the need for collaboration with major brands, small- and medium-sized enterprises, academia, trade unions, civil society and associations, in a deliberative process to change the system.

The joint report supports the work of the E-waste Coalition, which includes the International Labour Organisation, International Telecommunication Union, UN Environment Programme (UN Environment), UN Industrial Development Organisation, UN Institute for Training and Research, UN University and the Secretariats of the Basel and Stockholm Conventions.

The Coalition is supported by the World Business Council for Sustainable Development and

the World Economic Forum and coordinated by the Secretariat of the Environment Management Group.

Asked if the issue of e-waste should be on the agenda of the UN General Assembly in order to motivate firm commitments from the 193 member states, Dr Kuehr told IPS that some stakeholders in politics and industry are of the standpoint that the e-waste issue is sustainably solved, though all numbers speak a different language and are alarming.

Though e-waste has moved up on the political agenda, also within the UN, it is still regarded as a niche issue. International and globally harmonised attempts, partly revolutionary, are required for sustainable solutions, he argued.

"And the UN General Assembly could play an important role in taking the discussion to the next level, also illustrating the urgency for regional and national action. But we must also take further attempts in greening the blue, by also reconsidering our UN internal consumption of electrical and electronic equipment."

National governments, companies and other stakeholders must do substantially better in researching the e-waste challenge and coming up with sustainable solutions, declared Dr Kuehr. **IPS**

It is difficult to gauge how many electrical goods are produced annually, but just taking into account the devices connected to the Internet, they now number many more than humans...

LAMPIRAN 11
BERITA HARIAN (DUNIA): MUKA SURAT 65
TARIKH: 30 JANUARI 2019 (RABU)



LAMPIRAN 12
UTUSAN MALAYSIA (LUAR NEGARA): MUKA SURAT 43
TARIKH: 30 JANUARI 2019 (RABU)



AKTIVITI luncur ais mungkin menjadi lebih sukar pada masa akan datang ekoran fenomena pencairan ais akibat peningkatan suhu dunia. -AGENSI

Tasik Hemisfera Utara diancam pencairan ais

■ LONDON 29 JAN.

BERIBU tasik di sepanjang Hemisfera Utara berdepan fenomena pencairan ais berikutan suhu global yang meningkat. BBC memetik kajian terbaharu yang dilakukan oleh sekumpulan penyelidik sebagai berkata, dalam tempoh satu generasi, lebih 35,000 tasik akan mengalami pencairan ais. Tambah penyelidik, fenomena itu akan memberi kesan ketara terhadap berjuta orang yang tinggal berdekatan kawasan berkenaan. Fenomena itu juga bakal memberi ancaman terhadap bekalan air minuman serta spesies ikan. Tambahan pula, fenomena tersebut akan menimbulkan masalah kepada komuniti yang tinggal di rantau itu, yang bergantung sepenuhnya kepada jalan raya ais untuk menyeberangi tasik bagi mendapatkan bekalan makanan dan perhubungan sosial. Setakat ini, kira-kira 15,000 tasik di Kanada, Amerika Syarikat dan bahagian utara Eropah diliputi ais secara berselang-seli pada musim sejuk. Ini bermakna tasik akan membeku ketika musim sejuk berada pada suhu lebih rendah namun cair apabila suhu pada musim sejuk meningkat. Aktiviti tradisional seperti luncur ais mungkin menjadi lebih sukar. Jika suhu dunia meningkat kepada dua darjah Celcius, kajian itu menunjukkan jumlah tasik yang mengalami fenomena tersebut akan meningkat. "Kita tidak bercakap mengenai suhu tasik yang semakin panas. Kita bercakap tentang tasik ais yang akan hilang pada musim sejuk. "Anak-anak dan cucu kita mungkin tidak akan dapat melihat sesuatu yang kita abaikan," kata penulis bersama kajian daripada Universiti Negeri Illinois, Dr. Catherine O'Reilly.

LAMPIRAN 13
NEW STRAITS TIMES (WORLD): MUKA SURAT 69
TARIKH: 30 JANUARI 2019 (RABU)

195 INJURED

TORNADO IN CUBA KILLS 4

Rare, powerful
tornado
overturns cars,
destroys houses

HAVANA

A RARE and powerful tornado has devastated sections here, killing four people and injuring 195, as it overturned cars, uprooted trees and destroyed dozens of homes.

A shaken resident, recalling a night of terror, said she clutched her daughter and crouched down in her kitchen as the tornado came roaring in on Sunday night.

"It was as if rocks were falling — it was hail — and I felt things beginning to fall. It lifted my entire roof and took everything away," said a sobbing Canaima Hernandez, 36.

Hernandez's Havana neighbourhood, Regla, was one of the hardest hit by the tornado, which state media said was comparable in strength to the most powerful hurricanes.

Residents picked their way through overturned vehicles, collapsed walls, overturned lamp-posts and uprooted trees.

Cuban President Miguel Diaz-Canel, who confirmed the latest toll on Monday, toured the city's darkened streets visiting emer-



A woman crying in front of her destroyed house, in Havana, Cuba, on Monday. AFP PIC

gency crews, wrote on Twitter that damage was "severe".

In the city's Luyano neighbourhood, storm debris, including parts of a balcony ripped off an old building, blocked the streets.

As emergency sirens blared across the city, firefighters and ambulances rushed about on rescue missions, their flashing lights illuminating blacked out areas.

Diaz-Canel said several emergency teams were working hard to restore power to those areas.

At the Hijas de Galicia maternity hospital, staff were forced to

evacuate the building due to storm damage.

The tornado, spawned by a powerful storm that originated in the Gulf of Mexico, hit western Cuba with winds of up to 100kph.

"Islanders are used to these warnings, but they did not suspect the magnitude of what was approaching," said *Granma*, the Communist Party daily.

People described the tornado as having "the sound of a jet engine" and reported feeling changes in the environmental pressure when it arrived, Arman-

do Caymares with the Institute of Meteorology said.

The tornado "caught me in the street, in the car with my wife and children," actor Luis "Panfilo" Silva wrote on his social media account.

"I had to dodge fallen trees, flooded areas and strong winds to get home. We experienced great fear," he wrote.

Francisco Sotolongo said it was a good thing the tornado's impact only lasted seconds, "because if it lasted a minute there would be nothing left here". **AFP**

LAMPIRAN 14
BERITA HARIAN (DUNIA): MUKA SURAT 63
TARIKH: 30 JANUARI 2019 (RABU)



Havana musnah dilanda taufan

Penduduk menyusuri kawasan kejiranan Regla yang musnah apabila taufan melanda Havana.

Empat maut, 195 penduduk cedera, ribuan lagi terputus bekalan elektrik

Havana

Kejadian puting beliung yang melanda Havana, meragut empat nyawa, manakala 195 lagi mangsa cedera, selain turut memusnahkan kediaman dan harta benda penduduk.

Seorang penduduk yang masih ketakutan ketika mengimbas kejadian malam Ahad lalu itu berkata, beliau bersembunyi di bawah dapur sambil memeluk erat anak perempuannya.

"Ia berbunyi seolah ada batu yang runtuh, hujan batu dan saya



Orang ramai berkumpul di hadapan rumah yang musnah di Luyano, Havana, Cuba.

merasakan pelbagai barang mula jatuh.

"Puting beliung itu menerbangkan bumbung rumah dan segala-galanya," kata Canaima Hernandez, 36, sambil menangis.

Kawasan kejiranan Hernandez,

iaitu Regla dilaporkan antara lokasi paling teruk dilanda bencana itu yang kekuatannya menyamai taufan paling kuat.

Kenderaan terbalik

Puting beliung itu menyebabkan

keadaan di kawasan kejadian tidak ubah seperti dilanggar garuda, dengan kenderaan terbalik melintang di jalan raya, manakala sekitar kediaman dipenuhi runtuhannya dinding, tiang lampu yang patah dan pokok tumbang.

Presiden Cuba, Miguel Diaz-Canel yang mengesahkan kejadian itu turut melawat lokasi untuk meninjau operasi dilakukan pasukan penyelamat.

Beliau turut mengesahkan angka kematian dan menerusi mesej di Twitter, presiden itu menyifatkan kejadian itu sebagai 'amat teruk'.

Di kawasan kejiranan berhampiran, Luyano pula, jalan sekitar dihalang sisa runtuhannya rumah, termasuk balkoni dari sebuah bangunan lama.

Siren kecemasan turut kedengaran di bandar itu, ketika pasukan bomba dan ambulans bertungkus lumus menjalankan operasi penyelamat.

Diaz-Canel berkata, beberapa pasukan kecemasan sedang berusaha memulihkan bekalan elektrik di kawasan yang terjejas.

Sementara itu hospital bersalin, Hijas de Galicia, kakitangannya diarah mengosongkan bangunan yang rosak akibat dilanda taufan.

Puting beliung yang bertiep dari arah Teluk Mexico, melanda Cuba dengan kekuatan angin kencang selaju 100 kilometer sejam. AFP